

**PANDUAN
MEMOHON BAGI MENGGUNA PAKAI PENAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA
BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN (CHRA) SECARA GENERIK**

**Bagi mematuhi
PERATURAN - PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(PENGUNAAN DAN STANDARD PENDEDAHAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA
KEPADA KESIHATAN), 2000 (P.U. (A) 131**



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

2006

JKKP: GP (M) 02 / 2006
ISBN 10: 983-2014-56-5
ISBN 13: 978-983-2014-56-0

BIL KANDUNGAN

MUKA SURAT

	PRAKATA	i
1.	TUJUAN PANDUAN	1
2.	TANGGUNGJAWAB MAJIKAN MENJALANKAN CHRA DI BAWAH PERATURAN USECHH, 2000	1-2
3.	PENAKSIRAN GENERIK CHRA	3
4.	CARA MEMOHON	4
5.	KRITERIA KELULUSAN	5
6.	SYARAT-SYARAT KELULUSAN	6
7.	PEMANTAUAN PELAKSANAAN	7
8.	LAMPIRAN 1	8
9.	LAMPIRAN 2	9-10
10.	LAMPIRAN 3	11-12

PRAKATA

Panduan ini diterbitkan untuk menjadi rujukan kepada majikan yang ingin menjalankan Penaksiran Risiko Kesihatan secara generik bagi mematuhi kehendak Peraturan 9, Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000. Sebarang permohonan untuk menjalankan Penaksiran Risiko Kesihatan secara generik perlu mengikut prosedur yang digariskan dalam panduan ini.

Panduan ini akan disemak semula dari masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan kehendak Jabatan, atau maklumbalas yang diterima daripada pelanggan. Pemakaian panduan ini bermula pada tahun 2006.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai - pegawai di Bahagian Pengurusan Kimia kerana usaha mereka dalam menyediakan dan menerbitkan panduan ini.

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

Mei 2006



1.TUJUAN PANDUAN

Untuk mendapatkan kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk menjalankan Penaksiran Risiko kepada Kesihatan (CHRA) secara generik di tempat-tempat kerja bagi mematuhi kepada kehendak Peraturan 9, Bahagian IV Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan [Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan, (USECHH)], 2000.

2. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN MENJALANKAN CHRA DI BAWAH PERATURAN

Peraturan-peraturan ini menyenaraikan tugas dan tanggungjawab majikan untuk memastikan pekerjaannya dan juga orang yang berada di premisnya tidak terjejas kesihatan mereka akibat pendedahan kepada bahan kimia berbahaya. Tugas dan tanggungjawab itu dibuat melalui sistem kerja selamat yang mengambil kira pengurusan risiko kesihatan. Di bawah Peraturan-peraturan tersebut, majikan dikehendaki;

- a. Menenal pasti, membuat daftar bahan kimia berbahaya kepada kesihatan dan menyebarkan maklumat tersebut;
- b. Mentafsirkan secara bertulis risiko akibat penggunaan bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan;
- c. Menetapkan tatacara, langkah-langkah dan sistem kawalan yang mesti diikuti untuk memastikan yang had pendedahan bahan kimia tidak dilampaui;

- d. Memberi latihan cara-cara menangani bahan kimia dengan selamat;
- e. Melaksanakan program pemantauan pendedahan dan pengawasan kesihatan pekerja;
- f. Mendokumenkan program, sistem dan prosedur yang digunakan bagi menangani dengan selamat bahan kimia berbahaya itu; dan
- g. Memastikan penggunaan dan penyelenggaraan kelengkapan perlindungan diri yang diluluskan.

Bahagian IV, Peraturan 9 (1) di bawah Peraturan USECHH, 2000 memperuntukkan bahawa seseorang majikan tidak boleh menjalankan apa-apa kerja yang boleh mendedahkan atau mungkin mendedahkan mana-mana pekerja kepada apa-apa bahan kimia berbahaya kepada kesihatan melainkan jika dia telah membuat penaksiran bertulis mengenai risiko yang terhasil daripada bahan kimia itu kepada kesihatan pekerja.

Penaksiran Risiko kepada Kesihatan (CHRA) adalah satu proses menggunakan kaedah pendekatan yang sistematik (methodical approach), iaitu proses mengenalpasti hazard yang terdapat di tempat kerja, proses atau tugas dan aktiviti dalam penggunaan dan pengendalian bahan kimia berbahaya; dinilai risikonya sama ada secara kualitatif atau kuantitatif; menilai kecukupan dan keberkesanan peralatan kawalan sedia ada; dan seterusnya tahap risiko ditentukan sama ada boleh diterima, berada di dalam had terima, atau sebaliknya tidak boleh diterima dan perlu dielakkan

Dimana perlu, keputusan seterusnya adalah mengesyorkan langkah-langkah bagi mengawal risiko tersebut ke tahap yang boleh diterima.

3. PENAKSIRAN GENERIK CHRA

Generik CHRA digunakan apabila bahan kimia berbahaya kepada kesihatan atau bila mana sebilangan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di beberapa tempat kerja dikendalikan atau digunakan dengan tatacara kerja atau kaedah yang sama, dan juga persamaan dalam pemakaian langkah-langkah kawalan. Ini bermakna risiko di tempat berkenaan adalah setara atau 'comparable'.

Dalam penaksiran generik, laporan penaksiran yang dibuat bagi sesuatu tempat kerja atau kerja, dan laporan ini digunakan bagi mewakili mana-mana tempat kerja atau kerja yang mempunyai persamaan dalam aktiviti kerja yang dijalankan, dan risiko yang setara/setanding.

Penaksiran generik boleh dijalankan bagi tempat-kerja yang sama seperti rangkaian stesen minyak jenama tertentu, rangkaian restoran makanan segera, perladangan, kilang kelapa sawit, kilang getah, kedai dobi, dan sebagainya.

Pendekatan generik ini juga perlu kerana keputusan penaksiran yang didapati bagi sesuatu tempat kerja yang risikonya setara (comparable) adalah sama serta tindakan dan cadangan langkah pengawalan juga sama. Ini memudahkan kerana penaksiran cuma sebagai 'alat' untuk menentukan sama ada perlu / tidak perlu kawalan diadakan bagi mengawal had pendedahan kepada pekerja.

4. CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 dan laporan-laporan penaksiran CHRA (full report) yang akan diguna pakai bagi mewakili tempat-tempat kerja atau kerja yang disenaraikan untuk mengguna pakai penaksiran generik CHRA. Bilangan laporan CHRA (full report) yang perlu dikemukakan adalah bagi **2 tempat kerja atau mewakili 10%** dari tempat kerja yang dipohon, mana yang lebih tinggi yang mewakili rangkaian tempat kerja yang serupa.

Sekiranya penaksiran CHRA masih belum dilaksanakan lagi di sesuatu tempat kerja atau kerja, pihak majikan boleh mengemukakan laporan 'survey' terhadap penggunaan dan pengendalian bahan kimia terlebih dahulu bagi mewakili tempat-tempat kerja atau kerja yang akan mengguna pakai penaksiran generik CHRA.

Permohonan hendaklah dikemukakan ke alamat;

**KETUA PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
ARAS 2, 3 & 4, BLOK D3, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA
(U.P: PENGARAH, BAHAGIAN PENGURUSAN KIMIA)**

5. KRITERIA KELULUSAN

Kelulusan bagi menjalankan penaksiran generik CHRA berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu;

- a. Rangkaian syarikat yang sama, contoh; Petronas, Sime Darby dll;
- b. Aktiviti yang sama, contoh; perladangan, stesen minyak dll;
- c. Bahan kimia yang sama, contoh; petrol, diesel, racun makhluk perosak dll;
- d. Kuantiti yang digunakan oleh setiap pekerja setara dalam julat tertentu;
- e. Tugas (tasks) yang serupa, contoh; pembancuhan dan penyemburan racun dan baja di ladang-ladang, ujikaji yang dijalankan di makmal dll.;
- f. Penggunaan kaedah pengawalan sama, contoh; sistem penilaian atau pengukuran risiko yang selaras dengan organisasi;
- g. Komitmen dari Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai tertinggi dalam syarikat dalam memantau pelaksanaan sistem kawalan risiko yang dijelaskan dalam polisi bertulis.

6. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- a. Laporan generik hanya terpakai bagi setiap premis yang **dipersetujui dan disenaraikan** pada setiap laporan.
- b. Pengapit yang dilantik perlu **melawat bagi tujuan verifikasi** ke setiap premis yang tersenarai dan **mengeluarkan surat akuan pengesahan** bahawa bahan kimia, aktiviti berkaitan penggunaan bahan kimia dan langkah-langkah kawalan yang disediakan adalah sama.
- c. Laporan penaksiran generik hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana Pegawai Tertinggi dalam syarikat dalam memantau pelaksanaan sistem kawalan risiko yang dijelaskan dalam polisi bertulis.
- d. Majikan yang mengguna pakai penaksiran generik dikehendaki **menyimpan salinan laporan** penaksiran tersebut di tempat kerja masing-masing bagi tujuan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- e. Penaksiran generik akan **terbatal**, jika **berlaku perubahan** pada mana-mana premis dari segi penggunaan bahan kimia, tugas (tasks) atau kawalan yang disediakan. Majikan perlu melaksanakan semula penaksiran CHRA dijalankan bagi premis berkenaan.
- f. Penaksiran generik akan **terbatal** apabila lebih dari **lima (5) tahun** telah berlalu sejak penaksiran terakhir generik dibuat; atau **diarahkan** oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- g. Laporan generik CHRA pula disediakan bagi setiap tempat kerja yang terlibat.

7. PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan menjalankan pemeriksaan ke atas semua tempat kerja yang telah diluluskan oleh Jabatan sebelum ini, bagi memastikan setiap tempat kerja yang tersenarai dalam permohonan yang dikemukakan ada laporan generik CHRA.

Ketua pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

Mei 2006

LAMPIRAN 1

Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk memohon menggunakan pakai penaksiran generik CHRA

Sila tandakan (✓) bagi dokumen-dokumen yang disertakan bersama permohonan.


1. Senarai tempat kerja dan bahan kimia yang digunakan secara 'comparison matrix'
2. Purata kuantiti bahan kimia yang digunakan
3. Unit Kerja dan tugas yang dijalankan dan kuantiti kimia yang digunakan
4. Carta alir kerja dan proses
5. Prosedur kerja bagi penggunaan bahan kimia yang digunakan
6. Laporan CHRA (full report) untuk diguna pakai bagi penaksiran generik CHRA
7. Nama Pengapit dan No. Rujukan Pendaftaran yang bertanggungjawab menyediakan laporan generik CHRA.


Nama Pengapit :.....

No.Ruj. Pendaftaran :.....

LAMPIRAN 2

Carta Aliran Memproses Kelulusan Generik CHRA







JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
MALAYSIA

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Aras 2,3 & 4, Block D3, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

Per: **PENGESAHAN PENAKSIRAN RISIKO KIMIA BERBAHAYA
KEPADA SECARA GENERIK DI TEMPAT-TEMPAT KERJA
MILIK BAGI MEMATUHI PERATURAN 9 DIBAWAH
PERATURAN-PERATURAN STANDARD DAN PENGGUNAAN
BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN (USECHH),
2000 DI**

(Nyatakan nama syarikat berkenaan)

(Nama pengapit)

Saya, No.Pendaftaran

Pengapit beralamat

(Alamat pengapit)

mengaku telah menjalankan lawatan verifikasi generik CHRA bagi semua tempat
kerja seperti disenaraikan dalam permohonan oleh

(Nama majikan / wakil majikan)





dari

(Nama syarikat yang memohon)

..... dan mengesahkan bahawa tempat-tempat
berkenaan telah mematuhi semua kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi melaksanakan generik CHRA.
lawatan ke tempat-tempat berkenaan telah dijalankan pada tarikh-tarikh berikut;

Bil.	Tarikh (dd/mm/yyyy)	Nama dan Alamat Lengkap Tempat Kerja	Nama Pengurus / Wakil	Tandatangan / Cop Syarikat
			 (Tandatangan)

Muka surat; x/y
(Sila nyatakan)

Bil.	Tarikh (dd/mm/yyyy)	Nama dan Alamat Lengkap Tempat Kerja	Nama Pengurus / Wakil	Tandatangan / Cop Syarikat
				 (Tandatangan)
				 (Tandatangan)
				 (Tandatangan)
				 (Tandatangan)

(Sila tambah muka surat jika memerlukan)

Pengakuan Majikan

Saya _____ No Kad Pengenalan _____ mengakui telah diberi penerangan oleh pengapit yang menjalankan dan menyediakan laporan generik CHRA ini mengenai kandungan laporan penaksiran risiko kepada kesihatan yang dibuat oleh beliau di tempat kerja di bawah kawalan saya. Saya juga berjanji akan memastikan semua tempat kerja yang tersenarai mematuhi kepada keputusan yang dinyatakan dalam laporan generik CHRA yang dikemukakan oleh Pengapit pada

Tandatangan: _____

Nama Pengapit: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____

Cop syarikat